

# Kajian pinda Kod Etika Hakim selesai

UM 1 2 AUG 2003

**P**UTRAJAYA 11 Ogos — Kajian terhadap cadangan meminda Kod Etika Hakim 1994 yang antaranya memberikan lebih kuasa kepada Ketua Hakim Negara untuk mengawal dan mengambil tindakan disiplin terhadap para hakim, telah selesai dijalankan.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Rais Yatim berkata, perkembangan mengenai cadangan kajian itu yang telah dimaklumkan oleh Ketua Hakim Negara, Tan Sri Ahmad Fairuz Sheikh Abdul Halim.

Bagaimanapun, katanya, kerajaan akan meneliti terlebih dahulu sama ada pelaksanaan Kod Etika yang baru itu memerlukan pindaan kepada Perkara 125 Perlembagaan Persekutuan atau sebaliknya.

“Tidak berapa lama lagi (penguatkuasaan Kod Etika Hakim) akan diputuskan sama ada memerlukan pindaan Perlembagaan atau tidak,” katanya pada sidang akhbar selepas melawat Kompleks Kehakiman ‘Istana Keadilan’, di sini hari ini.

Cadangan memperkemas Kod Etika Hakim

itu dibangkitkan beberapa tahun lalu bagi membolehkan seseorang hakim yang bertindak melampaui batas dikenakan tindakan disiplin termasuk menghadapi siasatan tribunal.

Kod Etika Kehakiman yang disusun dan digubal oleh para hakim dan berkuat kuasa pada 22 Disember 1994 berfungsi untuk mengawal tingkah laku hakim di luar mahkamah.

Difahamkan timbul beberapa masalah termasuk daripada golongan hakim sendiri yang menentang cadangan pindaan itu sehingga menyebabkan kelewatan.

Ahmad Fairuz dalam temuannya dengan Rais beberapa bulan lalu menyatakan kesediaan untuk menyerahkan cadangan pindaan yang baru kepada kerajaan.

Kod Etika Hakim itu perlu diserahkan kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad untuk diselaraskan sebelum dipersembahkan kepada Yang di-Pertuan Agong bagi diperkenankan.

Rais menjelaskan bahawa beliau tidak boleh menjelaskan bentuk pindaan itu memandangkan ia adalah di bawah bidang kehakiman sendiri.